

01 OCT 2002

Parlimen-Bola Sepak

PARLIMEN DIBERITAHU LIMA PUNCA KEMEROSOTAN BOLA SEPAK NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan hari ini menggariskan lima punca kemerosotan pasukan bola sepak kebangsaan terutama di kejohanan antarabangsa.

Larangan terhadap lebih 100 pemain daripada menyertai semula pasukan negeri setelah disyaki terlibat menentukan keputusan perlawanan liga kebangsaan pada 1994 dan 1995, merupakan antara sebab kemerosotan itu, kata Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Ong Tee Kiat.

"Sejak ini berlaku, maka timbul kekosongan agak besar dan ia mengambil masa untuk diisi semula dengan pemain berkaliber," katanya menjawab soalan Datuk Shaziman Abu Mansor (BN-Tampin) pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Ong berkata kurang pendedahan dan penyertaan bermutu tinggi di peringkat antarabangsa turut menjadi faktor kemerosotan mutu sukan paling diminati ramai itu.

"Oleh kerana pasukan Malaysia tidak begitu hebat, maka tidak banyak pasukan handal berminat mengadakan perlawanan dengan pasukan negara," katanya.

Beliau berkata, sokongan peminat tempatan yang semakin berkurangan terhadap perlawanan liga kebangsaan menjadikan pasukan negeri menghadapi masalah sumber kewangan yang menghalang kepada usaha memperbaiki latihan serta persediaan pemain.

Pendekatan sebenar sebagai pemain profesional gagal dihayati dan disesuaikan oleh pemain tempatan, selain ketiadaan pemain import yang mengurangkan rangsangan untuk pemain tempatan meningkatkan mutu masing-masing, katanya.

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah membenarkan pengambilan semula pemain import bermula musim ini.

Kemerosotan mutu pasukan bola sepak negara turut disentuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 pada 20 Sept lepas. Beliau menyentuh tentang keupayaan pasukan negara yang satu ketika dahulu setaraf dengan Korea Selatan serta Jepun tetapi tidak lagi pada ketika ini.

Ong berkata, kementerian menyedari hakikat bahawa mutu bola sepak negara sekarang kurang memberangsangkan dan oleh itu mengharapkan komitmen semua pihak termasuk FAM, penaja serta peminat tempatan untuk mengembalikan kegemilangannya.

Menjawab soalan tambahan Abdul Fatah Harun (PAS-Rantau Panjang) mengenai prestasi pemain import yang menyertai pasukan negeri, Ong berkata prestasi sesebuah pasukan bukan bergantung sepenuhnya kepada keupayaan pemain import.

-- BERNAMA

RZS RZS HM